

# Jadi hab perubatan serantau

Utm 17/05/2011 30  
KOTA KINABALU 17 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) meletakkan sasaran untuk menjadikan Sekolah Perubatan di universiti itu sebagai hab perubatan serantau sebagai rujukan mengenai pelbagai jenis penyakit.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr.

Kamaruzaman Ampon berkata, sekolah itu juga disasarkan menjadi

pilihan utama pelajar yang ingin mengikuti kursus perubatan.

"Jadi kita akan memperkasakan kemudahan di sekolah ini agar setanding dengan universiti-universiti perubatan lain," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Perubatan UMS, baru-baru ini yang turut dihadiri Dekan Sekolah Perubatan, Prof. Dr. Osman Ali.

Sehubungan itu, pihaknya akan memperkenalkan beberapa inisiatif bagi menarik minat lebih ramai kakitangan akademik untuk berkhidmat di sekolah itu.